

Kempen Simpan Dan Gandakan (“Kempen”) untuk ‘Premier 1 Account’ (PM1)

Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) (“Maybank”) dan tertakluk kepada terma dan syarat di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 2.1 di sini) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma & syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Kempen ini bermula dari 1 Mei 2024 sehingga 30 September 2024, termasuk kedua-dua hari (“Tempoh Kempen”).

2. Kelayakan:

2.1 Pemegang (pemegang-pemegang) akaun:-

- a) yang memegang **‘Premier 1 Account’ (PM1)** baharu atau sedia ada (“Akaun”) (yang boleh terdiri daripada pemegang individu atau pemegang bersama);
- b) yang Akaun (Akaun-Akaun) tidak digantung atau ditamatkan oleh Maybank. Akaun tidak aktif tidak akan dipertimbangkan;
- c) yang tidak melanggar apa-apa perjanjian dengan Maybank; dan
- d) yang bukan pekerja Maybank

adalah layak untuk menyertai Kempen ini (kemudian dari ini dirujuk sebagai **“Pelanggan yang Layak”**).

**Maybank adalah ahli PIDM. ‘Premier 1 Account’ dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.*

3. Kaedah dan Syarat Kempen

3.1 Kriteria Penyertaan Kempen yang wajib untuk dipenuhi adalah seperti berikut:

- a) Pelanggan yang Layak mestilah mempunyai Akaun sedia ada atau baharu (rujuk Klausula 3.2(b) di bawah untuk keperluan bagi Akaun baharu);
- b) Penambahan Baki Purata Harian (BPH) dalam Akaun mestilah mempunyai minima sebanyak RM10,000 sehingga maksima RM250,000 bagi setiap bulan yang berkenaan; dan
- c) Akaun tersebut mestilah mempunyai minima Baki Akhir Bulan sebanyak RM10,000 bagi setiap akhir bulan yang berkenaan.

3.2 Produk dan/atau Perkhidmatan Kelayakan

- a) Pelanggan yang Layak yang memenuhi Kriteria Penyertaan Kempen, syarat untuk Simpan & Kembangkan dan memenuhi satu atau lebih keperluan yang berkenaan Produk dan/atau Perkhidmatan Kelayakan (bermaksud “Produk Pilihan” dan/atau “Perkhidmatan Pilihan” seperti yang dinyatakan di bawah) berhak menikmati Kadar Bonus (seperti yang dinyatakan dalam Klausula 3.3 dibawah) :

BIL.	PRODUK/PERKHIDMATAN KELAYAKAN	KEPERLUAN	BUTIRAN
1	SIMPAN & KEMBANGKAN	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan BPH minima sebanyak RM10,000 sehingga maksima sebanyak RM250,000 bagi setiap bulan yang berkenaan. • Baki akhir bulan minima sebanyak RM10,000 bagi setiap bulan yang berkenaan. • Rujuk Klausula 3.4. 	Kriteria utama dan wajib

2	PINDAHAN DANA MASUK	<ul style="list-style-type: none"> • Pindahan Dana Masuk Terpilih Kumulatif sebanyak minima RM10,000 dan ke atas bagi setiap bulan yang berkenaan. • Rujuk kepada Klausula 3.5. 	Perkhidmatan Pilihan
3	PERBELANJAAN KAD KREDIT	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan Kad Kredit Terpilih Kumulatif sebanyak minima RM3,000 dan ke atas bagi setiap bulan yang berkenaan. • Rujuk Klausula 3.6. 	Produk Pilihan
4	SIMPANAN TETAP [2 pengeluaran sahaja (“Pengeluaran”) dibenarkan setiap bulan]	<ul style="list-style-type: none"> • Mesti mempunyai Baki Akhir Bulan minima RM50,000 bagi setiap bulan yang berkenaan. • Pelanggan dibenarkan membuat maksima 2 ‘Pengeluaran’ sahaja dari Akaun bagi setiap bulan yang berkenaan. • Rujuk Klausula 3.7. 	Perkhidmatan Pilihan
5	PERBELANJAAN KAD DEBIT	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan Kad Debit Kumulatif sebanyak minima RM500 dan ke atas bagi setiap bulan yang berkenaan. • Rujuk Klausula 3.8. 	Produk Pilihan
6	PENEMPATAN eDEPOSIT TETAP	<ul style="list-style-type: none"> • Penempatan baharu eDeposit Tetap sebanyak minima RM1,000 dan ke atas bagi setiap bulan yang berkenaan. • Rujuk Klausula 3.9. 	Produk Pilihan

- b) Pelanggan yang Layak yang telah memenuhi Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege seperti yang dinyatakan dibawah dan Klausula 3.10 berhak menikmati Kadar Bonus.

BIL.	PRODUK/PERKHIDMATAN KELAYAKAN	KEPERLUAN
1	PEMBUKAAN AKAUN BAHARU DENGAN PENDAFTARAN PERKHIDMATAN PRIVILEGE	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan yang Layak yang membuka ‘Premier 1 Account’ baharu. • Mesti mempunyai minima Penambahan BPH sebanyak RM10,000 bagi setiap bulan yang berkenaan. • Mesti mempunyai minima baki akhir bulan sebanyak RM10,000 pada setiap akhir bulan yang berkenaan. • Mesti telah didaftar masuk untuk Perkhidmatan Privilege. • Rujuk Klausula 3.10.

- c) Pelanggan yang Layak yang telah memenuhi keperluan Warga Emas Berumur 50 Tahun dan Ke Atas seperti yang dinyatakan dibawah dan Klausa 3.11 berhak menikmati Kadar Bonus.

BIL.	PRODUK/PERKHIDMATAN KELAYAKAN	KEPERLUAN
1	WARGA EMAS BERUMUR 50 TAHUN DAN KE ATAS	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan yang Layak yang berumur 50 dan ke atas. • Pelanggan yang Layak yang mempunyai 'Premier 1 Account' sedia ada atau baharu. • Mesti mempunyai minima Penambahan BPH sebanyak RM10,000 bagi setiap bulan yang berkenaan. • Mesti mempunyai minima baki akhir bulan sebanyak RM10,000 pada setiap akhir bulan yang berkenaan. • Rujuk Klausa 3.11.

- d) Penambahan BPH dalam Akaun tersebut merujuk kepada perbezaan BPH semasa Tempoh Kempen berbanding dengan BPH dalam Akaun tersebut bagi bulan April 2024 ("Garis Asas").

- e) Takrif "Garis Asas" hendaklah ditentukan seperti di bawah:

BIL.	JENIS AKAUN	GARIS ASAS (RM)
1	Akaun Baharu	Garis Asas adalah RMO
2	Akaun Sedia Ada	Garis Asas adalah BPH bagi bulan April 2024

- f) BPH dikira berdasarkan bulan kalendar. Ia dikira berdasarkan jumlah keseluruhan baki akhir harian dan dibahagikan dengan jumlah bilangan hari dalam bulan tersebut. BPH hendaklah ditakrifkan seperti di bawah:

BIL.	JENIS PELANGGAN	BUTIRAN
1	Pelanggan Baharu	Bagi Akaun yang dibuka semasa Tempoh Kempen, BPH untuk bulan yang berkenaan dimana Akaun dibuka adalah berdasarkan jumlah setiap baki akhir harian bermula dari hari Akaun dibuka sehingga hari terakhir dalam bulan tersebut di bahagikan dengan jumlah hari yang sama.
2	Pelanggan Sedia Ada	Bagi Akaun yg di buka sebelum Tempoh Kempen, BPH untuk bulan yang berkenaan adalah berdasarkan jumlah setiap baki akhir harian dalam bulan tersebut di bahagikan dengan jumlah hari di dalam bulan tersebut.

3.3 Kadar Bonus

- a) Bagi tujuan Kempen ini, Kadar Bonus adalah Ganjaran Kempen dan diberi hanya kepada Pelanggan yang Layak yang secara spesifik telah memenuhi Kriteria Penyertaan Kempen Simpan & Kembangkan dan keperluan berkenaan akan satu atau lebih Produk/Perkhidmatan Kelayakan (bermaksud "Produk Pilihan" dan/atau "Perkhidmatan Pilihan" seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3.2 (a-c) diatas) dengan cara seperti yang ditunjukkan di bawah.

- b) i. Simpan & Kembangkan
- Kadar Bonus sebanyak 0.45% setahun sehingga 0.65% setahun.

PREMIER 1 ACCOUNT		SIMPAN & KEMBANGKAN	
Penambahan BPH (RM)	¹ Kadar Asas (%) Setahun	² Kadar Bonus (%) Setahun	³ Indikatif Kadar Keseluruhan (%) Setahun
RM10,000 Sehingga RM25,000	0.20%	0.45%	Sehingga 0.65%
Sehingga RM50,000	0.20%	0.45%	Sehingga 0.65%
Sehingga RM100,000	0.25%	0.45%	Sehingga 0.70%
Sehingga RM200,000	0.35%	0.65%	Sehingga 1.00%
Sehingga RM250,000	0.90%	0.65%	Sehingga 1.55%

Kadar Asas berkuat kuasa 08.05.2023.

- ii. Simpan & Kembangkan + 1 Produk/Perkhidmatan Kelayakan

- Kadar Bonus sebanyak 0.65% setahun sehingga 0.85% setahun.

PREMIER 1 ACCOUNT		SIMPAN & KEMBANGKAN	
Penambahan BPH (RM)	¹ Kadar Asas (%) Setahun	² Kadar Bonus (%) Setahun	³ Indikatif Kadar Keseluruhan (%) Setahun
RM10,000 Sehingga RM25,000	0.20%	0.65%	Sehingga 0.85%
Sehingga RM50,000	0.20%	0.65%	Sehingga 0.85%
Sehingga RM100,000	0.25%	0.65%	Sehingga 0.90%
Sehingga RM200,000	0.35%	0.85%	Sehingga 1.20%
Sehingga RM250,000	0.90%	0.85%	Sehingga 1.75%

Kadar Asas berkuat kuasa 08.05.2023.

- iii. Simpan & Kembangkan + 2 Produk/Perkhidmatan Kelayakan

- Kadar Bonus sebanyak 0.85% setahun sehingga 1.15% setahun.

PREMIER 1 ACCOUNT		SIMPAN & KEMBANGKAN	
Penambahan BPH (RM)	¹ Kadar Asas (%) Setahun	² Kadar Bonus (%) Setahun	³ Indikatif Kadar Keseluruhan (%) Setahun
RM10,000 Sehingga RM25,000	0.20%	0.85%	Sehingga 1.05%
Sehingga RM50,000	0.20%	0.85%	Sehingga 1.05%
Sehingga RM100,000	0.25%	0.85%	Sehingga 1.10%
Sehingga RM200,000	0.35%	1.15%	Sehingga 1.50%
Sehingga RM250,000	0.90%	1.15%	Sehingga 2.05%

Kadar Asas berkuat kuasa 08.05.2023.

iv. Simpan & Kembangkan + Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege

- Kadar Bonus sebanyak 0.85% setahun sehingga 1.15% setahun.

PREMIER 1 ACCOUNT		SIMPAN & KEMBANGKAN	
Penambahan BPH (RM)	¹ Kadar Asas (%) Setahun	² Kadar Bonus (%) Setahun	³ Indikatif Kadar Keseluruhan (%) Setahun
RM10,000 Sehingga RM25,000	0.20%	0.85%	Sehingga 1.05%
Sehingga RM50,000	0.20%	0.85%	Sehingga 1.05%
Sehingga RM100,000	0.25%	0.85%	Sehingga 1.10%
Sehingga RM200,000	0.35%	1.15%	Sehingga 1.50%
Sehingga RM250,000	0.90%	1.15%	Sehingga 2.05%

Kadar Asas berkuat kuasa 08.05.2023.

v. Simpan & Kembangkan + Warga Emas Berumur 50 Tahun Atau Ke Atas

- Kadar Bonus sebanyak 0.85% setahun sehingga 1.15% setahun.

PREMIER 1 ACCOUNT		SIMPAN & KEMBANGKAN	
Penambahan BPH (RM)	¹ Kadar Asas (%) Setahun	² Kadar Bonus (%) Setahun	³ Indikatif Kadar Keseluruhan (%) Setahun
RM10,000 Sehingga RM25,000	0.20%	0.85%	Sehingga 1.05%
Sehingga RM50,000	0.20%	0.85%	Sehingga 1.05%
Sehingga RM100,000	0.25%	0.85%	Sehingga 1.10%
Sehingga RM200,000	0.35%	1.15%	Sehingga 1.50%
Sehingga RM250,000	0.90%	1.15%	Sehingga 2.05%

Kadar Asas berkuat kuasa 08.05.2023.

Nota

¹ Kadar Asas di kira berdasarkan baki akaun dan 'Split Tier'. 'Split Tier' adalah kaedah pengiraan faedah yang mengasingkan baki akaun mengikut julat simpanan yang berkenaan.

² Kadar Bonus dikira berdasarkan Simpan & Kembangkan, Penambahan BPH dan bilangan produk/perkhidmatan kelayakan. Simpan & Kembangkan adalah kriteria wajib.

³ Indikatif Kadar Keseluruhan bergantung pada faedah yang diperolehi daripada 'Split Tier' Kadar Asas + Kadar Bonus dari keperluan produk/perkhidmatan.

Sila ambil perhatian bahawa 'Split Tier' Kadar Asas dan/atau Kadar Bonus boleh disemak semula dengan sewajarnya untuk menunjukkan perubahan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia atau bukan berkaitan dengan OPR.

- c) Formula Pengiraan Kadar Bonus hendaklah ditentukan seperti di bawah:

$$\text{Penambahan BPH} \times \text{Kadar Bonus} \times \text{Bil.Hari Penyertaan} / \text{^Bil. Hari dalam Setahun}$$

^Tahun Lompat = 366 hari, Bukan tahun lompat = 365 days

- d) Kadar Bonus akan dikreditkan ke dalam akaun penyertaan dalam tempoh 30 hari perniagaan pada bulan yang berikutnya atau tarikh lain (dalam tempoh 90 hari perniagaan) seperti yang ditentukan oleh Maybank. Sekiranya akaun tersebut ditutup sebelum Kadar Bonus dikreditkan, tiada Kadar Bonus akan dibayar kepada Pelanggan yang Layak.
- e) Bayaran Kadar Bonus adalah berdasarkan asas dahulu didahulukan dan tertakluk pada ketersediaan had Kempen

3.4 Simpan & Kembangkan (Kriteria Utama dan Wajib)

- a) Untuk layak bagi “Simpan & Kembangkan”, Pelanggan yang Layak mesti memenuhi keperluan yang berikut:
- Penambahan BPH minima sebanyak RM10,000 sehingga maksima sebanyak RM250,000 bagi setiap bulan yang berkenaan; dan
 - Baki Akhir Bulan minima sebanyak RM10,000 untuk setiap akhir bulan yang berkenaan.

3.5 Pindahan Dana Masuk (Perkhidmatan Pilihan)

- a) Untuk layak bagi “Pindahan Dana Masuk”, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi keperluan yang berikut:
- Pindahan Dana Masuk Terpilih kumulatif sebanyak minima RM10,000 dan ke atas bagi setiap bulan yang berkenaan. Untuk Kempen ini, Pindahan Dana Masuk ke Akaun hendaklah dikenali sebagai Pindahan Telegraf (TT), GIRO Antara Bank (IBG), Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS) dan Pemindahan Segera Dana Antara Bank (IBFT); dan
 - Mesti digabungkan dengan kriteria Utama dan Wajib “Simpan & Kembangkan”.

3.6 Perbelanjaan Kad Kredit (Produk Pilihan)

- a) Untuk layak bagi “Perbelanjaan Kad Kredit”, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi keperluan yang berikut:
- Produk kad yang menyertai Kempen ini dan perbelanjaan kad kredit adalah seperti tertera pada jadual produk di bawah yang dikeluarkan di Malaysia (“Produk Kad Penyertaan”). Produk Kad Penyertaan tertakluk kepada perubahan dengan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu;

PRODUK KAD PENYERTAAN	PERBELANJAAN KAD KREDIT (RM)
<ul style="list-style-type: none"> ‘Maybank 2 Cards Platinum’ ‘Maybank Visa Signature’ (Termasuk ‘FCB Barcelona’) ‘Maybank Islamic Mastercard Ikhwan Platinum’ ‘Maybank Islamic Petronas Ikhwan Visa Platinum’ ‘American Express Platinum Credit Card’ ‘Maybank Islamic Ikhwan American Express Platinum Card’ ‘Maybank Mastercard Platinum’ 	<ul style="list-style-type: none"> Perbelanjaan kad kredit kumulatif sebanyak minima RM3,000 dan ke atas untuk transaksi peruncitan setiap bulan yang berkenaan. Hanya untuk transaksi peruncitan dengan tarikh pengeposan dalam tempoh bulan kalendar dengan menggunakan kad kredit di mana pemegang akaun merupakan pemegang utama.

<ul style="list-style-type: none">• ‘Maybank Visa Platinum’• ‘Maybank Petronas Platinum Visa’• ‘American Express® Gold Charge Card’• ‘American Express® Card(Green Charge)’• ‘Grab and Shopee Card’	
---	--

- ii. Mesti digabungkan dengan kriteria Utama dan Wajib, “Simpan & Kembangkan”;
- iii. Pelanggan yang Layak mesti mempunyai Produk Kad Penyertaan yang sah dan aktif serta masih berdaftar dengan Kempen tersebut pada akhir bulan untuk pengiraan Kadar Bonus. Produk Kad Penyertaan Maybank yang dibatalkan sebelum pengiraan Kadar Bonus tidak akan dipertimbangkan;
- iv. Bagi tujuan Kempen ini, “transaksi peruncitan” bermaksud pembelian apa-apa barangan atau perkhidmatan (tempatan dan luar negara) dengan menggunakan Produk Kad Penyertaan dan boleh, atas budi bicara Maybank, termasuk apa-apa transaksi Kad Kredit Maybank seperti yang ditentukan oleh Maybank kecuali untuk transaksi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - Pindahan Baki
 - Pembayaran Auto Debit dan Berulang
 - Pembayaran utiliti, pemasaran langsung, premium insurans, pembayaran berkaitan kerajaan atau pembayaran melalui Maybank2u.com
 - Pendahuluan Tunai / Pengeluaran Tunai, kuasi tunai, transaksi kasino, pembayaran untuk amal, Cukai Barang & Perkhidmatan dan apa-apa bentuk lain perkhidmatan / bayaran pelbagai.
 - Cash Treats dan EzyCash
- v. Jumlah yang setara dalam RM akan digunakan jika perbelanjaan berlaku dalam mata wang asing. Maybank mempunyai budi bicara untuk menggunakan kadar pertukaran berkenaan untuk mendapatkan nilai yang setara dengan RM;
- vi. Bagi transaksi peruncitan yang dibuat di bawah mana-mana pelan pembayaran ansuran Ezpay dan Ezy pay Plus Maybank (seperti yang ditentukan oleh Maybank), jumlah ansuran bulanan sahaja akan dipertimbangkan apabila menentukan jumlah perbelanjaan minima dan bukan amaun transaksi sepenuhnya yang dikenakan di bawah pelan tersebut;
- vii. Transaksi menggunakan mana-mana Kad Kredit Maybank lain yang tidak menyertai tidak akan dipertimbangkan untuk Kempen ini; dan
- viii. Maybank akan menggunakan tarikh di mana transaksi dihantar kepada akaun kad Pelanggan yang Layak untuk mengira amaun perbelanjaan minima. Maybank berhak menolak atau mengecualikan mana-mana transaksi.

3.7 Simpanan Tetap (Perkhidmatan Pilihan)

- a) Untuk layak bagi “Simpanan Tetap”, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi keperluan yang berikut:
 - i. Mesti memenuhi kriteria utama dan wajib, “Simpan & Kembangkan”, dengan jumlah Penambahan BPH minima sebanyak RM10,000 bagi setiap bulan yang berkenaan.
 - ii. Mesti mempunyai Baki Akhir Bulan minima sebanyak RM50,000 bagi setiap akhir bulan yang berkenaan.
 - iii. Maksima 2 pengeluaran daripada ‘Premier 1 Account’ dibenarkan untuk setiap bulan yang berkenaan.
 - iv. Bagi kempen ini, Pengeluaran merujuk kepada Pengeluaran tunai melalui ATM, Pengeluaran Tunai melalui Cawangan dan Pindahan Telegraf Ke Luar kepada bank lain.

3.8 Perbelanjaan Kad Debit (Produk Pilihan)

- a) Untuk layak bagi “Perbelanjaan Kad Debit”, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi keperluan yang berikut:
 - i. Pelanggan yang Layak mesti mempunyai Maybank Visa Debit Kad / Maybank Mastercard Debit Kad;
 - ii. Pelanggan yang Layak mesti mempunyai perbelanjaan Kad Debit kumulatif sebanyak minima RM500 dan ke atas untuk setiap bulan yang berkenaan;
 - iii. Mesti digabungkan dengan kriteria Utama dan Wajib, “Simpan & Kembangkan”;
 - iv. Transaksi Debit yang Layak hendaklah termasuk perbelanjaan dalam negeri, luar negara, dalam talian dan/atau peruncitan di kedai yang dicajkan kepada kad debit semasa tempoh tempoh tersebut; dan
 - v. Nama akaun utama bagi ahli kad Pelanggan yang Layak untuk kad debit yang dibelanjakan mesti sama dengan Akaun penyertaan ‘Premier 1 Account’ (PM1).

3.9 Penempatan eDeposit Tetap (Produk Pilihan)

- a) Untuk layak bagi “Penempatan eDeposit Tetap”, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi keperluan yang berikut:
 - i. Mesti penempatan eDeposit tetap baharu sebanyak minima RM1,000 dan ke atas untuk setiap bulan yang berkenaan;
 - ii. Untuk semua tempoh Penempatan eDeposit Tetap (Tempoh minima ialah 1 bulan);
 - iii. Mesti digabungkan dengan kriteria Utama dan Wajib, “Simpan & Kembangkan”; dan
 - iv. Tidak layak jika Penempatan eDeposit Tetap ditarik balik sebelum pembayaran Kadar Bonus.
- b) Ciri-ciri Penempatan eDeposit Tetap:
 - i. Penempatan eDeposit Tetap ialah penempatan deposit tetap dalam talian melalui laman web Maybank2u atau aplikasi MAE.
 - ii. Masa perkhidmatan ialah pukul 6:00 pagi hingga 10:00 malam, 7 hari seminggu;
 - iii. Syarat pengeluaran pramatang untuk eDeposit Tetap Akaun adalah seperti berikut:
 - Pengeluaran pramatang eDeposit Tetap Segera (Tanpa Tempoh Notis 31 hari):
 - Tiada faedah akan dibayar bagi pengeluaran pramatang deposit tetap segera (Tanpa Tempoh Notis 31 hari) yang belum genap tempoh matang.
 - Pengeluaran pramatang eDeposit Tetap (Dengan Tempoh Notis 31 hari):
 - 50% daripada kadar faedah yang dikontrakkan akan di bayar apabila ‘Tempoh Notis’ selama 31 hari (termasuk hari tarikh notis) diberikan oleh pelanggan. Berdasarkan notis itu, jumlah principal dan faedah terakru akan dikreditkan pada hari ke-32 ke dalam akaun CASA pelanggan.

eDeposit Tetap Akaun dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.

3.10 Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege

- a) Untuk layak bagi “Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege”, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi keperluan yang berikut:
- Bagi Pelanggan yang Layak yang membuka Akaun baharu sahaja;
 - Pelanggan yang Layak mesti telah didaftar masuk untuk perkhidmatan ‘Privilege’;
 - Mesti digabungkan dengan kriteria Utama dan Wajib “Simpan & Kembangkan”; dan
 - Kadar bonus hanya layak untuk bulan dimana Akaun baharu dibuka.
- b) Berikut adalah keperluan untuk pelanggan “Privilege”:
- Mana-mana produk gabungan atau tunggal deposit dan pelaburan antara RM50,000 sehingga RM250,000; **ATAU**
 - Mana-mana produk gabungan atau tunggal pembiayaan, deposit dan pelaburan antara RM250,000 sehingga RM1,000,000

3.11 Warga Emas Berumur 50 Tahun Atau Ke Atas

- a) Untuk layak bagi “Warga Emas Berumur 50 Tahun Dan Ke Atas”, Pelanggan yang Layak mesti memenuhi keperluan yang berikut:
- Untuk Pelanggan yang Layak berumur 50 dan ke atas;
 - Pelanggan yang Layak mesti mempunyai ‘Premier 1 Account’ sedia ada atau baharu;
 - Mesti digabungkan dengan kriteria Utama dan Wajib “Simpan & Kembangkan”; dan
 - Layak untuk mendapat Kadar Bonus bagi sepanjang Tempoh Kempen bagi setiap bulan yang berkenaan.

4. Syarat Lain

- 4.1 “Simpan & Kembangkan”, penambahan BPH dan bilangan keperluan yang dipenuhi satu atau lebih daripada produk/perkhidmatan kelayakan akan menentukan jumlah Kadar Bonus terkumpul yang boleh dinikmati oleh Pelanggan yang Layak; seperti penerangan yang berikut :

TARIKH	PERIHAL	KADAR BONUS		
Senario 1 - Simpan & Kembangkan				
Pelanggan A adalah pelanggan baharu yang membuka ‘Premier 1 Account’ (PM1) pada 1 Jun 2024. Pelanggan A hanya memenuhi kriteria pendaftaran dan keperluan untuk “Simpan & Kembangkan”. Pelanggan A tidak memenuhi keperluan perkhidmatan Privilege. Oleh itu, Pelanggan A hanya layak untuk Kadar Bonus bagi kategori Simpan & Kembangkan sahaja				
1 Jun 2024	• Pelanggan A mendeposit RM10,000 ke dalam PM1.	• Pelanggan mempunyai Simpan & Kembangkan sahaja		
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Simpan & Kembangkan</td> <td>YA</td> </tr> </tbody> </table>	PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN	MEMENUHI KEPERLUAN
PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN	MEMENUHI KEPERLUAN			
Simpan & Kembangkan	YA			
20 Jun 2024	• Pelanggan A mendeposit RM5,000 ke dalam PM1.	Pindahan Dana Masuk	TIDAK	
		Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK	
		Simpanan Tetap	TIDAK	
		Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK	
		eDeposit Tetap Baharu	TIDAK	

		<table border="1"> <thead> <tr> <th>GANJARAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Warga Emas Berumur 50 / ></td> <td>TIDAK</td> </tr> </tbody> </table>		GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK	Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK								
		GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN														
		Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK														
Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK																
30 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan A mendeposit RM2,000 ke dalam PM1. 	<ul style="list-style-type: none"> Baki purata harian (BPH) bagi Jun 2024 $= [(19 \text{ hari} \times \text{RM}10,000) + (10 \text{ hari} \times \text{RM}15,000) + (1 \text{ hari} \times \text{RM}17,000)] \div 30 \text{ hari}$ $= \text{RM}11,900$ Garis Asas = RM0 Penambahan BPH = $\text{RM}11,900 - \text{RM}0 = \text{RM}11,900$ Kadar Bonus bagi Jun 2024 $= \text{RM}11,900 \times 0.45\% \text{ setahun} \times 30 \div 366$ $= \underline{\text{RM}4.39}$ 															
<p>Senario 2- Simpan & Kembangkan + Pembukaan Akaun Baharu dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege</p> <p>Pelanggan B adalah pelanggan baharu yang membuka 'Premier 1 Account' (PM1) pada 10 Jun 2024. Pelanggan B memenuhi kriteria pendaftaran dan keperluan untuk "Simpan & Kembangkan" dan "Perbelanjaan Kad Kredit". Pelanggan B memenuhi keperluan perkhidmatan Privilege. Oleh itu, Pelanggan B layak untuk mendapat Kadar Bonus bagi pembukaan Akaun Baharu dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege bagi bulan pembukaan akaun tersebut.</p>																	
10 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan B mendeposit RM50,000 ke dalam PM1. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan mempunyai Pembukaan Akaun Baharu dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege 															
15 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan B berbelanja RM4,000 dalam pembelian peruncitan di pusat beli-belah dengan menggunakan 'Maybank Visa Platinum Credit Card'. 	<table border="1"> <thead> <tr> <th>PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Simpan & Kembangkan</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>Pindahan Dana Masuk</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Kad Kredit</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>Simpanan Tetap</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Kad Debit</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>eDeposit Tetap Baharu</td> <td>TIDAK</td> </tr> </tbody> </table>		PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Simpan & Kembangkan	YA	Pindahan Dana Masuk	TIDAK	Perbelanjaan Kad Kredit	YA	Simpanan Tetap	TIDAK	Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK	eDeposit Tetap Baharu	TIDAK
		PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN	MEMENUHI KEPERLUAN														
		Simpan & Kembangkan	YA														
Pindahan Dana Masuk	TIDAK																
Perbelanjaan Kad Kredit	YA																
Simpanan Tetap	TIDAK																
Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK																
eDeposit Tetap Baharu	TIDAK																
20 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan B mendeposit RM150,000 ke dalam PM1. 	<table border="1"> <thead> <tr> <th>GANJARAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>Warga Emas Berumur 50 / ></td> <td>TIDAK</td> </tr> </tbody> </table>		GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	YA	Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK								
		GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN														
Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	YA																
Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK																
30 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan B mengeluarkan RM10,000 dari PM1. Pelanggan B mengeluarkan RM20,000 dari PM1. Pelanggan B mengeluarkan RM20,000 dari PM1. Pelanggan mendaftar untuk Perkhidmatan Privilege. 	<ul style="list-style-type: none"> Baki purata harian (BPH) bagi Jun 2024 $= [(10 \text{ hari} \times \text{RM}50,000) + (10 \text{ hari} \times \text{RM}200,000) + (1 \text{ hari} \times \text{RM}150,000)] \div 21 \text{ hari}$ $= \text{RM}126,190.48$ Garis Asas = RM0 Penambahan BPH = $\text{RM}126,190.48 - \text{RM}0 = \text{RM}126,190.48$ Kadar Bonus bagi Jun 2024 $= \text{RM}126,190.48 \times 1.15\% \text{ setahun} \times 21 \div 366$ $= \underline{\text{RM}83.27}$ 															

Senario 3 - Simpan & Kembangkan + 1 Produk/Perkhidmatan Kelayakan

Pelanggan C adalah pelanggan sedia ada dan mempunyai BPH dan baki akhir bulan sebanyak RM50,000 dalam 'Premier 1 Account' (PM1) bagi bulan April 2024. Pelanggan C memenuhi kriteria pendaftaran dan keperluan untuk "Simpan & Kembangkan" dan "Pindahan Dana Masuk". Oleh itu, Pelanggan C adalah layak untuk Kadar Bonus bagi kategori untuk 1 Produk/Perkhidmatan Kelayakan.

1 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan C mendeposit RM100,000 ke dalam PM1. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan mempunyai Simpan & Kembangkan + 1 Produk/Perkhidmatan Kelayakan <table border="1"> <thead> <tr> <th>PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Simpan & Kembangkan</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>Pindahan Dana Masuk</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Kad Kredit</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Simpanan Tetap</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Kad Debit</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>eDeposit Tetap Baharu</td> <td>TIDAK</td> </tr> </tbody> </table>	PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Simpan & Kembangkan	YA	Pindahan Dana Masuk	YA	Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK	Simpanan Tetap	TIDAK	Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK	eDeposit Tetap Baharu	TIDAK
PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN	MEMENUHI KEPERLUAN															
Simpan & Kembangkan	YA															
Pindahan Dana Masuk	YA															
Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK															
Simpanan Tetap	TIDAK															
Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK															
eDeposit Tetap Baharu	TIDAK															
22 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan C menggunakan Pindahan Giro Bank (IBG) sebanyak RM50,000 pindahan masuk ke PM1. Baki semasa dalam PM1 ialah RM150,000. 															
25 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan C mengeluarkan RM30,000 dari PM1. Pelanggan C mengeluarkan RM10,000 dari PM1. Pelanggan C mengeluarkan RM10,000 dari PM1. 	<table border="1"> <thead> <tr> <th>GANJARAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Warga Emas Berumur 50 / ></td> <td>TIDAK</td> </tr> </tbody> </table>	GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK	Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK								
GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN															
Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK															
Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK															
28 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan C mendeposit RM50,000 ke dalam PM1. 	<ul style="list-style-type: none"> Baki purata harian (BPH) bagi Jun 2024 $= [(21 \text{ hari} \times \text{RM}100,000) + (3 \text{ hari} \times \text{RM}150,000) + (3 \text{ hari} \times \text{RM}100,000) + (3 \text{ hari} \times \text{RM}150,000)] \div 30 \text{ hari}]$ $= \text{RM}110,000$ Garis Asas = RM50,000 Penambahan BPH = RM110,000 - RM50,000 $= \text{RM}60,000$ Kadar Bonus bagi Jun 2024 $= \text{RM}60,000 \times 0.65\% \text{ setahun} \times 30 \div 366$ $= \underline{\text{RM}31.97}$ 														

Senario 4 - Simpan & Kembangkan + 2 Produk/Perkhidmatan Kelayakan

Pelanggan D adalah pelanggan sedia ada yang membuka 'Premier 1 Account' (PM1) pada 3 April 2024. Pelanggan D mempunyai BPH dan baki akhir bulan sebanyak RM10,000 dalam 'Premier 1 Account' (PM1) bagi bulan April 2024. Pelanggan D memenuhi kriteria pendaftaran dan keperluan untuk "Simpan & Kembangkan", "Simpanan Tetap" dan "Perbelanjaan Kad Debit". Pelanggan D layak untuk mendapat Kadar Bonus bagi kategori 2 atau lebih Produk/Perkhidmatan Kelayakan.

1 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan D mendeposit RM50,000 ke dalam PM1. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan mempunyai Simpan & Kembangkan + 2 Produk/Perkhidmatan Kelayakan <table border="1"> <thead> <tr> <th>PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Simpan & Kembangkan</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>Pindahan Dana Masuk</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Kad Kredit</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Simpanan Tetap</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Kad Debit</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>eDeposit Tetap Baharu</td> <td>TIDAK</td> </tr> </tbody> </table>	PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Simpan & Kembangkan	YA	Pindahan Dana Masuk	TIDAK	Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK	Simpanan Tetap	YA	Perbelanjaan Kad Debit	YA	eDeposit Tetap Baharu	TIDAK
PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN	MEMENUHI KEPERLUAN															
Simpan & Kembangkan	YA															
Pindahan Dana Masuk	TIDAK															
Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK															
Simpanan Tetap	YA															
Perbelanjaan Kad Debit	YA															
eDeposit Tetap Baharu	TIDAK															
10 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan D berbelanja RM500 untuk pembelian peruncitan di pusat beli-belah dengan menggunakan 'Maybank Visa Debit Card'. Baki semasa dalam PM1 adalah RM49,500. 															

20 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan D mendeposit RM100,000 ke dalam PM1. 	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="866 174 1241 237">GANJARAN</th> <th data-bbox="1241 174 1493 237">MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="866 237 1241 300">Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan</td> <td data-bbox="1241 237 1493 300">TIDAK</td> </tr> <tr> <td data-bbox="866 300 1241 340">Warga Emas Berumur 50 / ></td> <td data-bbox="1241 300 1493 340">TIDAK</td> </tr> </tbody> </table>		GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK	Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK								
GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN																
Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK																
Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK																
21 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan D mengeluarkan RM50,000 dari PM1. • Baki semasa dalam PM1 adalah RM99,500. 	<ul style="list-style-type: none"> • Baki purata harian (BPH) bagi Julai 2024 $= [(9 \text{ hari} \times \text{RM}50,000) + (10 \text{ hari} \times \text{RM}49,500) + (1 \text{ hari} \times \text{RM}149,500) + (11 \text{ hari} \times \text{RM}99,500)] \div 31 \text{ hari}]$ $= \text{RM } 70,612.90$ • Garis Asas = RM10,000 • Penambahan BPH = RM70,612.90 - RM10,000 $= \text{RM}60,612.90$ • Kadar Bonus bagi Julai 2024 $= \text{RM}60,612.90 \times 0.85\% \text{ setahun} \times 31 \div 366$ $= \underline{\text{RM}43.64}$ 															
31 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan D masih mengekalkan RM99,500 dalam PM1. 																
Senario 5 - Simpan & Kembangkan + Warga Emas Berumur 50 Tahun Atau Ke Atas																	
<p>Pelanggan E adalah pelanggan sedia ada dan mempunyai RM50,000 BPH dan baki akhir bulan dalam 'Premier 1 Account' (PM1) bagi bulan April 2024. Pelanggan E membuat penempatan eDeposit Tetap RM10,000 melalui Maybank2u pada 11 Julai 2024. Pada 21 Julai 2024, pelanggan mencapai umur 50 tahun dan layak untuk "Warga Emas Berumur 50 Tahun Atau Ke Atas".</p>																	
1 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan E mendeposit RM150,000 ke dalam PM1. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan mempunyai Simpan & Kembangkan + adalah Warga Emas Berumur 50 Tahun <table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="866 1032 1241 1095">PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN</th> <th data-bbox="1241 1032 1493 1095">MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="866 1095 1241 1135">Simpan & Kembangkan</td> <td data-bbox="1241 1095 1493 1135">YA</td> </tr> <tr> <td data-bbox="866 1135 1241 1176">Pindahan Dana Masuk</td> <td data-bbox="1241 1135 1493 1176">TIDAK</td> </tr> <tr> <td data-bbox="866 1176 1241 1216">Perbelanjaan Kad Kredit</td> <td data-bbox="1241 1176 1493 1216">TIDAK</td> </tr> <tr> <td data-bbox="866 1216 1241 1256">Simpanan Tetap</td> <td data-bbox="1241 1216 1493 1256">TIDAK</td> </tr> <tr> <td data-bbox="866 1256 1241 1296">Perbelanjaan Kad Debit</td> <td data-bbox="1241 1256 1493 1296">TIDAK</td> </tr> <tr> <td data-bbox="866 1296 1241 1337">eDeposit Tetap Baharu</td> <td data-bbox="1241 1296 1493 1337">YA</td> </tr> </tbody> </table>		PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Simpan & Kembangkan	YA	Pindahan Dana Masuk	TIDAK	Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK	Simpanan Tetap	TIDAK	Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK	eDeposit Tetap Baharu	YA
PRODUK / PERKHIDMATAN KELAYAKAN	MEMENUHI KEPERLUAN																
Simpan & Kembangkan	YA																
Pindahan Dana Masuk	TIDAK																
Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK																
Simpanan Tetap	TIDAK																
Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK																
eDeposit Tetap Baharu	YA																
11 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan E membuat penempatan eDeposit Tetap baharu bernilai RM10,000 melalui Maybank2u. 	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="866 1312 1241 1375">GANJARAN</th> <th data-bbox="1241 1312 1493 1375">MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="866 1375 1241 1438">Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan</td> <td data-bbox="1241 1375 1493 1438">TIDAK</td> </tr> <tr> <td data-bbox="866 1438 1241 1478">Warga Emas Berumur 50 / ></td> <td data-bbox="1241 1438 1493 1478">YA</td> </tr> </tbody> </table>		GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK	Warga Emas Berumur 50 / >	YA								
GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN																
Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK																
Warga Emas Berumur 50 / >	YA																
21 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan E mencapai umur 50 tahun. • Pelanggan E mendeposit RM50,000 ke dalam PM1. 	<ul style="list-style-type: none"> • Baki purata harian (BPH) bagi Julai 2024 $= [(20 \text{ hari} \times \text{RM}150,000) + (10 \text{ hari} \times \text{RM}200,000) + (1 \text{ hari} \times \text{RM}150,000)] \div 31 \text{ hari}]$ $= \text{RM}166,129.03$ • Garis Asas = RM50,000 • Penambahan BPH = RM166,129.03 - RM50,000 $= \text{RM}116,129.03$ • Kadar Bonus bagi Julai 2024 $= \text{RM}116,129.03 \times 1.15\% \text{ setahun} \times 31 \div 366$ $= \underline{\text{RM}113.11}$ 															
31 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan E mengeluarkan RM20,000 dari PM1. • Pelanggan E mengeluarkan RM20,000 dari PM1. • Pelanggan E mengeluarkan RM10,000 dari PM1. 																

4.2 Pengendalian untuk Pelanggan Layak yang memiliki beberapa akaun dari produk yang sama:

- a) Setiap Pelanggan yang Layak hanya layak mendapat satu (1) Kadar Bonus bagi produk yang sama. Kadar Bonus hanya dibayar kepada akaun yang memiliki Penambahan BPH bulanan tertinggi.
- b) Jika jumlah penambahan BPH bulanan antara dua atau lebih akaun yang di miliki oleh Pelanggan Layak yang sama adalah seri, Kadar Bonus hanya akan diberikan kepada akaun terbaharu dibuka.

4.3 Pelanggan yang Layak dengan ‘*Premier Mudharabah Account-i’ (PMA-i) Islam dan ‘Premier 1 Account’ (PM1) Konvensional :

- a) Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk kriteria “Simpan & Kembangkan”, kedua-dua akaun tersebut perlu mempunyai Penambahan BPH yang berkenaan.
- b) Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk produk “Perbelanjaan Kad Kredit”, kedua-dua akaun mestilah mempunyai perbelanjaan kad kredit minima sebanyak RM3,000 setiap satu Akaun bagi setiap bulan yang berkenaan (Jumlah sebanyak RM6,000).
- c) Dalam senario jika produk kelayakan “Perbelanjaan Kad Kredit” memenuhi keperluan untuk satu (1) akaun (PM1/PMA-i) sahaja, akaun yang mempunyai Penambahan BPH tertinggi akan layak. Akaun yang mempunyai Penambahan BPH yang lebih rendah tidak akan layak untuk “Perbelanjaan Kad Kredit”.
- d) Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk perkhidmatan “Pindahan Dana Masuk”, kedua-dua akaun mestilah mempunyai Pindahan Dana Masuk kumulatif sebanyak minima RM10,000 dan ke atas setiap satu bulan yang berkenaan sebagai contoh, Pindahan Telegraf (TT) Masuk, GIRO Antara Bank (IBG), Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS) dan Pemindahan Segera Dana Antara Bank (IBFT).
- e) Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk “Simpanan Tetap”, kedua-dua akaun mestilah memenuhi baki akhir bulan minima sebanyak RM50,000 dan maksima 2 Pengeluaran setiap bulan bagi setiap bulan yang berkenaan.
- f) Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk ganjaran perkhidmatan “Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege”, kedua-dua akaun mestilah akaun baharu dan ditag dengan tag perkhidmatan ‘Privilege’.
- g) Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk “Perbelanjaan Kad Debit”, kedua-dua akaun mestilah memenuhi perbelanjaan kad debit kumulatif minima sebanyak RM500 untuk setiap bulan yang berkenaan.
- h) Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk “Penempatan eDeposit Tetap”, kedua-dua akaun mestilah memenuhi produk berkenaan yang layak (eDeposit Tetap/ ‘eiFD-i’ / ‘eGIA-i’) dan penempatan minima RM1,000 setiap satu (Jumlah RM2,000).
*‘*Premier Mudharabah Account-i’ tidak dilindungi oleh PIDM.*

4.4 Selepas tamat Tempoh Kempen, tiada Kadar Bonus akan diberikan kepada Akaun dan Kadar Asas akan diguna pakai.

4.5 Pelanggan yang Layak mungkin layak untuk Kadar Bonus dalam satu bulan kalendar, tetapi mungkin tidak akan layak untuk Kadar Bonus dalam bulan yang berikutnya akibat tidak memenuhi mana-mana kriteria kelayakan yang telah ditetapkan seperti diatas.

5.0 Terma dan Syarat Umum

- 5.1 Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.

- 5.2 Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- 5.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- 5.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut penyata privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my (“*Maybank Privacy Statement*”) dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- a) tujuan Kempen; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

*Nota: “PDPA” merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- 5.5 Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau peninggalan melampau oleh Maybank.
- 5.6 Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.
- 5.7 Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
- 5.8 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.

Kempen Simpan Dan Gandakan (“Kempen”) untuk ‘Premier Mudharabah Account-i’

Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Maybank Islamic Berhad (200701029411) (“Maybank Islamic”) dan tertakluk kepada terma dan syarat di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2.1 di sini) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma & syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank Islamic berkenaan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Kempen ini bermula dari 1 Mei 2024 hingga 30 September 2024, termasuk kedua-dua hari (“Tempoh Kempen”).

2. Kelayakan:

2.1 Pemegang (pemegang-pemegang) akaun:-

- a) yang memegang ***‘Premier Mudharabah Account-i’ (PMA-i)** baharu atau sedia ada (“Akaun”) (yang boleh terdiri daripada pemegang individu atau pemegang bersama);
- b) yang Akaun (Akaun-Akaun) tidak digantung atau ditamatkan oleh Maybank Islamic. Akaun tidak aktif tidak akan dipertimbangkan;
- c) yang tidak melanggar apa-apa perjanjian dengan Maybank Islamic; dan
- d) yang bukan pekerja Maybank Islamic

hendaklah layak untuk menyertai Kempen ini (kemudian dari ini dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”).

**Maybank Islamic adalah ahli PIDM. Perlindungan PIDM tertakluk pada kriteria yang boleh diinsuranskan. Sila rujuk senarai deposit yang diinsuranskan melalui www.maybank2u.com.my untuk maklumat lanjut.*

3. Kaedah dan Syarat Kempen

3.1 Kriteria Penyertaan Kempen yang wajib untuk dipenuhi adalah seperti berikut:

- a) Pelanggan yang Layak mestilah mempunyai Akaun sedia ada atau baharu (rujuk Klausa 3.2(b) di bawah untuk keperluan bagi Akaun baharu);
- d) Penambahan Baki Purata Harian (BPH) dalam Akaun mestilah minima RM10,000 sehingga maksima RM250,000 untuk setiap bulan yang berkenaan dalam ‘Premier Mudharabah Account-i’; dan
- e) Akaun tersebut mestilah mempunyai minima Baki Akhir Bulan sebanyak RM10,000 bagi setiap akhir bulan yang berkenaan.

3.2 Ganjaran Kempen (seperti yang ditetapkan dalam Klausa 3.3 di bawah)

- a) Pelanggan yang Layak yang memenuhi Kriteria Penyertaan Kempen dan memenuhi satu atau lebih keperluan yang berkenaan akan produk/perkhidmatan Maybank Islamic yang berikut [setiap “Produk/Perkhidmatan Kelayakan” seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3.2 (a) di bawah] berhak menikmati Ganjaran Kempen tersebut:

BIL.	PRODUK/PERKHIDMATAN KELAYAKAN	KEPERLUAN	BUTIRAN
1	SIMPAN & KEMBANGKAN	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan BPH minima sebanyak RM10,000 sehingga maksima sebanyak RM250,000 bagi bulan tersebut. • Baki Akhir Bulan minima sebanyak RM10,000 bagi bulan tersebut. • Rujuk Klausa 3.4. 	Kriteria utama dan wajib
2	PINDAHAN DANA MASUK	<ul style="list-style-type: none"> • Pindahan Dana Masuk Terpilih Kumulatif sebanyak RM10,000 dan ke atas bagi bulan tersebut. • Rujuk kepada Klausa 3.5. 	Perkhidmatan Pilihan

3	PERBELANJAAN KAD KREDIT	<ul style="list-style-type: none"> Perbelanjaan Kad Kredit Terpilih Kumulatif sebanyak RM3,000 dan ke atas bagi bulan tersebut. Rujuk Klausula 3.6. 	Produk Pilihan
4	SIMPANAN TETAP [2 pengeluaran sahaja ("Pengeluaran") dibenarkan setiap bulan]	<ul style="list-style-type: none"> Mesti mempunyai Baki Akhir Bulan minima RM50,000 bagi bulan yang berkenaan. Pelanggan dibenarkan maksima 2 'Pengeluaran' sahaja setiap bulan bagi 'Premier Mudharabah Account-i'. Rujuk Klausula 3.7. 	Perkhidmatan Pilihan
5	PERBELANJAAN KAD DEBIT	<ul style="list-style-type: none"> Perbelanjaan Kad Debit Kumulatif sebanyak RM500 dan ke atas bagi bulan tersebut. Rujuk Klausula 3.8. 	Produk Pilihan
6	PELETAKAN 'eISLAMIC FIXED DEPOSIT-i atau eGENERAL INVESTMENT ACCOUNT-i'	<ul style="list-style-type: none"> Peletakan baharu 'eIslamic Fixed Deposit-i atau eGeneral Investment Account-i' sebanyak RM5,000 untuk tempoh 1 bulan dan RM1,000 untuk tempoh 2 bulan dan ke atas untuk bulan kalendar yang berkenaan. Rujuk Klausula 3.9. 	Produk Pilihan

- b) Pelanggan yang Layak yang telah memenuhi Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege (seperti yang ditetapkan di bawah) dan keperluannya berhak menikmati Ganjaran Kempen.

BIL.	PRODUK/PERKHIDMATAN KELAYAKAN	KEPERLUAN
1	PEMBUKAAN AKAUN BAHARU DENGAN PENDAFTARAAN PERKHIDMATAN PRIVILEGE	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan yang membuka 'Premier Mudharabah Account-i' yang baharu. Mesti mempunyai minima Penambahan BPH sebanyak RM10,000 bagi bulan tersebut. Mesti mempunyai minima baki akhir bulan sebanyak RM10,000 pada setiap akhir bulan yang berkenaan. Mesti telah didaftar masuk untuk Perkhidmatan Privilege. Rujuk Klausula 3.10.

- c) Pelanggan yang Layak yang telah memenuhi Warga Emas Berumur 50 Tahun dan Ke Atas (seperti yang ditetapkan di bawah) dan keperluannya berhak menikmati Ganjaran Kempen.

BIL.	PRODUK/PERKHIDMATAN KELAYAKAN	KEPERLUAN
1	WARGA EMAS BERUMUR 50 TAHUN DAN KE ATAS	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan yang berumur 50 dan ke atas. Pelanggan yang mempunyai 'Premier Mudharabah Account-i' sedia ada atau baharu. Mesti mempunyai minima Penambahan BPH sebanyak RM10,000 bagi bulan tersebut. Mesti mempunyai minima baki akhir bulan sebanyak RM10,000 pada setiap akhir bulan yang berkenaan. Rujuk Klausula 3.11.

- d) Penambahan BPH dalam Akaun tersebut merujuk kepada perbezaan BPH semasa Tempoh Kempen berbanding dengan BPH dalam Akaun tersebut bagi bulan April 2024

("Garis Asas").

- e) Takrif "Garis Asas" hendaklah ditentukan seperti di bawah:

BIL.	JENIS AKAUN	GARIS ASAS (RM)
1	Akaun Baharu	Garis Asas adalah RM0
2	Akaun Sedia Ada	Garis Asas adalah BPH bagi bulan April 2024

- f) BPH dikira berdasarkan bulan kalendar. Ia dikira berdasarkan jumlah keseluruhan baki akhir harian dan dibahagikan dengan jumlah bilangan hari dalam bulan tersebut. BPH hendaklah ditakrifkan seperti di bawah:

BIL.	JENIS PELANGGAN	BUTIRAN
1	Pelanggan Baharu	Bagi Akaun yang dibuka semasa tempoh kempen, pengiraan BPH untuk bulan tersebut adalah berdasarkan jumlah baki akhir harian bermula dari hari pembukaan akaun sehingga hari terakhir bulan kalendar dan di bahagikan dengan jumlah hari yang sama.
2	Pelanggan Sedia Ada	Bagi Akaun yg di buka sebelum tempoh kempen, pengiraan BPH berdasarkan jumlah baki akhir harian untuk bulan tersebut di bahagikan dengan jumlah hari di dalam bulan tersebut.

3.3 Kadar Bonus ("Ganjaran Kempen")

- a) Bagi tujuan Kempen ini, Kadar Bonus hanya diberi pada Pelanggan yang Layak sahaja yang secara spesifik telah memenuhi Kriteria Penyertaan Kempen Simpan & Kembangkan dan keperluan berkenaan akan satu atau lebih produk/perkhidmatan penyertaan [bermaksud "Produk Pilihan" dan/atau "Perkhidmatan Pilihan" seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3.2 (a - c) diatas) dengan cara seperti yang ditunjukkan di bawah.
- b) Simpan & Kembangkan + Produk/perkhidmatan kelayakan.
- i. Kriteria Simpan & Kembangkan Sahaja
- Kadar Bonus sebanyak 0.45% setahun sehingga 0.65% setahun.

PREMIER MUDHARABAH ACCOUNT-i		SIMPAN & KEMBANGKAN	
Penambahan BPH (RM)	¹ Kadar Asas (%) Setahun	² Kadar Bonus (%) Setahun	³ Indikatif Kadar Keseluruhan (%) Setahun
RM10,000 Sehingga RM25,000	0.20%	0.45%	Sehingga to 0.65%
Sehingga RM50,000	0.20%	0.45%	Sehingga 0.65%
Sehingga RM100,000	0.25%	0.45%	Sehingga 0.70%
Sehingga RM200,000	0.35%	0.65%	Sehingga 1.00%
Sehingga RM250,000	0.90%	0.65%	Sehingga 1.55%

Kadar Asas berkuat kuasa 08.05.2023.

ii. Simpan & Kembangkan + 1 Produk/Perkhidmatan Kelayakan

- Kadar Bonus sebanyak 0.65% setahun sehingga 0.85% setahun.

PREMIER MUDHARABAH ACCOUNT-i		SIMPAN & KEMBANGKAN	
Penambahan BPH (RM)	¹ Kadar Asas (%) Setahun	² Kadar Bonus (%) Setahun	³ Indikatif Kadar Keseluruhan (%) Setahun
RM10,000 Sehingga RM25,000	0.20%	0.65%	0.85%
Sehingga RM50,000	0.20%	0.65%	0.85%
Sehingga RM100,000	0.25%	0.65%	0.90%
Sehingga RM200,000	0.35%	0.85%	1.20%
Sehingga RM250,000	0.90%	0.85%	1.75%

Kadar Asas berkuat kuasa 08.05.2023.

iii. Simpan & Kembangkan + 2 Produk/Perkhidmatan Kelayakan

- Kadar Bonus sebanyak 0.85% setahun sehingga 1.15% setahun.

PREMIER MUDHARABAH ACCOUNT-i		SIMPAN & KEMBANGKAN	
Penambahan BPH (RM)	¹ Kadar Asas (%) Setahun	² Kadar Bonus (%) Setahun	³ Indikatif Kadar Keseluruhan (%) Setahun
RM10,000 Sehingga RM25,000	0.20%	0.85%	1.05%
Sehingga RM50,000	0.20%	0.85%	1.05%
Sehingga RM100,000	0.25%	0.85%	1.10%
Sehingga RM200,000	0.35%	1.15%	1.50%
Sehingga RM250,000	0.90%	1.15%	2.05%

Kadar Asas berkuat kuasa 08.05.2023.

iv. Simpan & Kembangkan + Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege

- Kadar Bonus sebanyak 0.85% setahun sehingga 1.15% setahun.

PREMIER MUDHARABAH ACCOUNT-i		SIMPAN & KEMBANGKAN	
Penambahan BPH (RM)	¹ Kadar Asas (%) Setahun	² Kadar Bonus (%) Setahun	³ Indikatif Kadar Keseluruhan (%) Setahun
RM10,000 Sehingga RM25,000	0.20%	0.85%	1.05%
Sehingga RM50,000	0.20%	0.85%	1.05%
Sehingga RM100,000	0.25%	0.85%	1.10%
Sehingga RM200,000	0.35%	1.15%	1.50%
Sehingga RM250,000	0.90%	1.15%	2.05%

Kadar Asas berkuat kuasa 08.05.2023.

v. Simpan & Kembangkan + Warga Emas Berumur 50 Tahun Atau Ke Atas

- Kadar Bonus sebanyak 0.85% setahun sehingga 1.15% setahun.

PREMIER MUDHARABAH ACCOUNT-i		SIMPAN & KEMBANGKAN	
Penambahan BPH (RM)	¹ Kadar Asas (%) Setahun	² Kadar Bonus (%) Setahun	³ Indikatif Kadar Keseluruhan (%) Setahun

RM10,000 Sehingga RM25,000	0.20%	0.85%	1.05%
Sehingga RM50,000	0.20%	0.85%	1.05%
Sehingga RM100,000	0.25%	0.85%	1.10%
Sehingga RM200,000	0.35%	1.15%	1.50%
Sehingga RM250,000	0.90%	1.15%	2.05%

Kadar Asas berkuat kuasa 08.05.2023.

Nota

¹ Kadar Asas di kira berdasarkan ‘Split Tier’ untuk baki akhir akaun. ‘Split Tier’ adalah kaedah pengiraan faedah yang mengasingkan baki akaun mengikut julat simpanan yang berkenaan.

² Kadar Bonus dikira berdasarkan Simpan & Kembangkan, Penambahan BPH dan bilangan produk/perkhidmatan kelayakan. Simpan & Kembangkan adalah kriteria wajib.

³ Indikatif Kadar Keseluruhan bergantung pada faedah yang diperoleh daripada ‘Split Tier’ Kadar Asas + Kadar Bonus.

Sila ambil perhatian bahawa ‘Split Tier’ Kadar Asas dan/atau Kadar Bonus boleh disemak semula dengan sewajarnya untuk menunjukkan perubahan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia atau bukan berkaitan dengannya.

- c) Formula Pengiraan Kadar Bonus hendaklah ditentukan seperti di bawah:

$$\text{Penambahan BPH} \times \text{Kadar Bonus} \times \text{Bil.Hari Penyertaan} / \text{^Bil. Hari dalam Setahun}$$

^Tahun Lompat = 366 hari, Bukan tahun lompat = 365 days

- d) Kadar Bonus akan dikreditkan ke dalam akaun penyertaan dalam tempoh 30 hari perniagaan pada bulan yang berikutnya atau tarikh lain (dalam tempoh 90 hari perniagaan) seperti yang Maybank Islamic tentukan. Sekiranya akaun tersebut ditutup sebelum Kadar Bonus dikreditkan, tiada Kadar Bonus akan dibayar kepada Pelanggan yang Layak.
- e) Bayaran Kadar Bonus adalah tertakluk pada ketersediaan had Kempen

3.4 Simpan & Kembangkan (Kriteria Utama dan Wajib)

- a) Untuk layak bagi “Simpan & Kembangkan”, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi keperluan yang berikut:
- Penambahan BPH minima sebanyak RM10,000 sehingga maksima sebanyak RM250,000 bagi bulan yang berkenaan; dan
 - Baki Akhir Bulan minima sebanyak RM10,000 untuk setiap akhir bulan yang berkenaan.

3.5 Pindahan Dana Masuk (Perkhidmatan Pilihan)

- a) Untuk layak bagi “Pindahan Dana Masuk”, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi keperluan yang berikut:
- Pindahan Dana Masuk kumulatif sebanyak RM10,000 dan ke atas bagi bulan tersebut. Untuk Kempen ini, Pindahan Dana Masuk ke ‘Premier Mudharabah Account-i’ hendaklah dikenali sebagai Pindahan Telegraf (TT), GIRO Antara Bank (IBG), Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS) dan Pemindahan Segera Dana Antara Bank (IBFT); dan
 - Mestilah digabungkan dengan kriteria Utama dan Wajib “Simpan & Kembangkan”.

3.6 Perbelanjaan Kad Kredit (Produk Pilihan)

- a) Untuk layak bagi “Perbelanjaan Kad Kredit”, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi keperluan yang berikut:
- i. Produk kad yang menyertai Kempen ini dan perbelanjaan kad kredit adalah seperti tertera pada jadual produk di bawah yang dikeluarkan di Malaysia (“Produk Kad Penyertaan”). Produk Kad Penyertaan tertakluk kepada perubahan dengan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu;

PRODUK KAD PENYERTAAN	PERBELANJAAN KAD KREDIT (RM)
<ul style="list-style-type: none"> • Maybank Islamic Mastercard Ikhwan Platinum • Maybank Islamic Petronas Ikhwan Visa Platinum • Maybank Islamic Ikhwan American Express Platinum Card 	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan kad kredit kumulatif sebanyak RM3,000 dan ke atas untuk transaksi peruncitan setiap bulan kalendar. • Hanya untuk transaksi peruncitan dengan tarikh pengeposan dalam tempoh bulan kalendar dengan menggunakan kad kredit di mana pemegang akaun merupakan pemegang utama.

- ii. Mesti digabungkan dengan kriteria Utama dan Wajib, “Simpan & Kembangkan”;
- iii. Pelanggan yang Layak mestilah mempunyai Produk Kad Penyertaan yang sah dan aktif serta masih berdaftar dengan Kempen tersebut pada akhir bulan untuk pengiraan Kadar Bonus. Produk Kad Penyertaan Maybank Islamic yang dibatalkan sebelum pengiraan Kadar Bonus tidak akan dipertimbangkan;
- iv. Bagi tujuan Kempen ini, “transaksi peruncitan” bermaksud pembelian apa-apa barangan atau perkhidmatan (tempatan dan luar negara) dengan menggunakan Produk Kad Penyertaan dan boleh, atas budi bicara Maybank Islamic, termasuk apa-apa transaksi Kad Kredit Maybank Islamic seperti yang akan Maybank Islamic tentukan kecuali untuk transaksi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - Pindahan Baki
 - Pembayaran Auto Debit dan Berulang
 - Pembayaran utiliti, pemasaran langsung, premium insurans, pembayaran atau pembayaran-pembayaran berkaitan kerajaan melalui Maybank2u.com
 - Pendahuluan Tunai / Pengeluaran Tunai, kuasi tunai, transaksi kasino, pembayaran untuk amal, Cukai Barang & Perkhidmatan dan apa-apa bentuk lain perkhidmatan / bayaran pelbagai.
 - Cash Treats dan EzyCash-i
- v. Jumlah yang setara dalam RM akan digunakan jika perbelanjaan berlaku dalam mata wang asing. Maybank Islamic mempunyai budi bicara untuk menggunakan kadar pertukaran berkenaan untuk mendapatkan nilai yang setara dengan RM;
- vi. Bagi transaksi peruncitan yang dibuat di bawah mana-mana pelan pembayaran ansuran Ezpay-i dan Ezypay Plus Maybank Islamic-i (seperti yang Maybank Islamic tentukan), jumlah ansuran bulanan sahaja akan dipertimbangkan apabila menentukan jumlah perbelanjaan minima dan bukan amaun transaksi sepenuhnya yang dikenakan di bawah pelan tersebut;
- vii. Transaksi menggunakan mana-mana Kad Kredit Maybank Islamic lain yang tidak menyertai tidak akan dipertimbangkan untuk Kempen ini; dan
- viii. Maybank Islamic akan menggunakan tarikh di mana transaksi dihantar kepada akaun kad Pelanggan yang Layak untuk mengira amaun perbelanjaan minima. Maybank Islamic berhak menolak atau mengecualikan mana-mana transaksi.

3.7 Simpanan Tetap (Perkhidmatan Pilihan)

- a) Untuk layak bagi “Simpanan Tetap”, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi keperluan yang berikut:
 - i. Mesti memenuhi kriteria utama dan wajib, “Simpan & Kembangkan”, dengan jumlah Penambahan BPH minima sebanyak RM10,000.
 - ii. Mesti mempunyai Baki Akhir Bulan minima sebanyak RM50,000 bagi setiap akhir bulan yang berkenaan.
 - iii. Maksima 2 pengeluaran daripada ‘Premier Mudharabah Account-i’ dibenarkan untuk setiap bulan yang berkenaan.
 - iv. Bagi kempen ini, Pengeluaran merujuk kepada Pengeluaran tunai melalui ATM, Pengeluaran Tunai melalui Cawangan dan Pindahan Telegraf Ke Luar kepada bank lain.

3.8 Perbelanjaan Kad Debit (Produk Pilihan)

- a) Untuk layak bagi “Perbelanjaan Kad Debit”, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi keperluan yang berikut:
 - i. Ahli kad yang layak mesti mempunyai Kad Debit Visa / Mastercard Maybank Islamic;
 - ii. Ahli kad yang layak mesti mempunyai perbelanjaan kad debit kumulatif sebanyak RM 500 dan ke atas untuk bulan kalendar yang berkenaan;
 - iii. Mesti digabungkan dengan kriteria Utama dan Wajib, “Simpan & Kembangkan”;
 - iv. Transaksi Debit yang Layak hendaklah termasuk perbelanjaan dalam negeri, luar negara, dalam talian dan/atau peruncitan di kedai yang dicajkan kepada kad debit semasa tempoh kempen tersebut; dan
 - v. Nama akaun utama ahli kad yang layak untuk kad debit yang dibelanjakan mesti sama dengan ‘Premier Mudharabah Account-i’ (PMA-i) penyertaan tersebut.

3.9 Peletakan ‘eIslamic Fixed Deposit-i atau eGeneral Investment Account-i’ (Produk Pilihan)

- a) Untuk layak bagi “Peletakan ‘eIslamic Fixed Deposit-i atau eGeneral Investment Account-i’ ”, Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi syarat yang berikut:
 - i. Mestilah Peletakan ‘eIslamic Fixed Deposit-i atau eGeneral Investment Account-i’ yang baharu sebanyak RM5,000 dan ke atas untuk tempoh 1 bulan atau RM1,000 dan ke atas untuk tempoh lain bagi bulan berkenaan.
 - ii. Untuk semua tempoh Peletakan ‘eIslamic Fixed Deposit-i atau eGeneral Investment Account-i’ (Tempoh minima ialah 1 bulan);
 - iii. Mestilah digabungkan dengan kriteria Utama dan Wajib, “Labur & Kembangkan”;
 - iv. Tidak layak jika Peletakan ‘eIslamic Fixed Deposit-i atau eGeneral Investment Account-i’ ditarik balik sebelum pembayaran Keuntungan Bonus.
- b) Ciri-ciri Peletakan ‘eIslamic Fixed Deposit-i atau eGeneral Investment Account-i’ :
 - i. Peletakan eiFD-i or eGIA-i ialah peletakan deposit tetap dalam talian melalui laman web Maybank2u atau aplikasi MAE.
 - ii. Masa perkhidmatan ialah pukul 6:00 pagi hingga 10:00 malam, 7 hari seminggu;
 - iii. Syarat penarikan balik adalah seperti berikut:-
 - Penarikan Balik eiFD-i or eGIA-i Segera (Tanpa Tempoh Notis 31 hari):
 - Tiada keuntungan akan dibayar. Pelanggan hendaklah mengetepikan haknya kepada Bank atas kesuluruhan keuntungan yang dikontrakkan
 - Penarikan Balik eiFD-i or eGIA-i (Dengan Tempoh Notis 31 hari):

- Bank hendaklah membayar 50% daripada kadar keuntungan yang dikira berdasarkan bilangan sebenar hari peletakan. Pelanggan hendaklah mengetepikan haknya kepada Bank atas baki keuntungan yang dikontrakkan apabila 'Tempoh Notis' selama 31 hari (termasuk hari tarikh notis) diberikan oleh pelanggan. Pelanggan tidak dibenarkan untuk menaikkan semula peletakan sehingga tarikh akhir notis.
- Syarat-syarat diatas tidak tertakluk untuk tempoh 1 bulan peletakan eGIA-i. Pelanggan boleh mengeluarkan dana pada bila-bila masa dan akan menerima keuntungan terakru (jika ada) berdasarkan bilangan hari pelaburan.

3.10 Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege

- a) Untuk layak bagi "Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege", Pelanggan yang Layak mestilah memenuhi keperluan yang berikut:
- i. bagi Pelanggan yang Layak yang membuka Akaun baharu sahaja;
 - ii. pelanggan yang Layak mesti telah didaftar masuk untuk perkhidmatan 'Privilege';
 - iii. mesti digabungkan dengan kriteria Teras dan Wajib "Simpan & Kembangkan"; dan
 - iv. ini hanya disediakan untuk pembukaan akaun baharu tersebut pada bulan yang berkenaan.
- b) Berikut adalah keperluan untuk pelanggan "Privilege":
- i. mana-mana produk gabungan atau tunggal deposit dan pelaburan antara RM50,000 sehingga RM250,000; **ATAU**
 - ii. mana-mana produk gabungan atau tunggal pembiayaan, deposit dan pelaburan antara RM250,000 sehingga RM1,000,000

3.11 Warga Emas Berumur 50 Tahun Atau Ke Atas

- b) Untuk layak bagi "Warga Emas Berumur 50 Tahun Dan Ke Atas", Pelanggan yang Layak mesti memenuhi keperluan yang berikut:
- v. untuk Pelanggan yang Layak berumur 50 dan ke atas;
 - vi. pelanggan yang Layak mesti mempunyai 'Premier Mudharabah Account-i' sedia ada atau baharu;
 - vii. mesti digabungkan dengan kriteria Teras dan Wajib "Simpan & Kembangkan"; dan
 - viii. ini untuk sepanjang tempoh kempen bagi bulan yang berkenaan.

4. Syarat Lain

- 4.1 "Simpan & Kembangkan", penambahan BPH dan bilangan keperluan yang dipenuhi satu atau lebih daripada produk/perkhidmatan akan menentukan jumlah Kadar Bonus terkumpul yang boleh dinikmati Pelanggan yang Layak; sebagai contoh seperti penerangan yang berikut :

TARIKH	PERIHAL	KADAR BONUS	
<u>Senario 1 - Simpan & Kembangkan</u>			
Pelanggan A adalah pelanggan baharu yang membuka 'Premier Mudharabah Account-i' (PMA-i) pada 1 Jun 2024. Pelanggan A hanya memenuhi kriteria pendaftaran dan keperluan untuk "Simpan & Kembangkan". Pelanggan A tidak memenuhi keperluan perkhidmatan Privilege. Justeru, tidak layak untuk Ganjaran Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege.			
1 Jun 2024	• Pelanggan A mendeposit RM10,000 ke dalam PMA-i.	• Pelanggan mempunyai Simpan & Kembangkan sahaja	
		PRODUK / PERKHIDMATAN	MEMENUHI KEPERLUAN

20 Jun 2024	• Pelanggan A mendeposit RM5,000 ke dalam PMA-i.	Simpan & Kembangkan	YA
		Pindahan Dana Masuk	TIDAK
		Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK
		Simpanan Tetap	TIDAK
		Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK
		eDeposit Tetap Baharu	TIDAK
		GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN
30 Jun 2024	• Pelanggan A mendeposit RM2,000 ke dalam PMA-i.	Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK
		Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK
		<ul style="list-style-type: none"> Baki purata harian (BPH) bagi Jun 2024 $= [(19 \text{ hari} \times \text{RM}10,000) + (10 \text{ hari} \times \text{RM}15,000) + (1 \text{ hari} \times \text{RM}17,000)] \div 30 \text{ hari}$ $= \text{RM}11,900$ Garis Asas = RM0 Penambahan BPH = $\text{RM}11,900 - \text{RM}0 = \text{RM}11,900$ Kadar Bonus bagi Jun 2024 $= \text{RM}11,900 \times 0.45\% \text{ setahun} \times 30 \div 366 = \underline{\text{RM}4.39}$ 	
<p>Senario 2- Simpan & kembangkan + Pembukaan Akaun Baharu dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege</p> <p>Pelanggan B adalah pelanggan baharu yang membuka ‘Premier Mudharabah Account-i’ (PMA-i) pada 10 Jun 2024. Pelanggan B memenuhi kriteria pendaftaran dan keperluan untuk “Simpan & Kembangkan” dan “Perbelanjaan Kad Kredit”. Pelanggan B memenuhi keperluan perkhidmatan Privilege. Justeru, layak untuk Ganjaran Pembukaan Akaun Baharu dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege semasa bulan pembukaan akaun tersebut.</p>			
10 Jun 2024	• Pelanggan B mendeposit RM50,000 ke dalam PMA-i.	• Pelanggan mempunyai Pembukaan Akaun Baharu dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege	
15 Jun 2024	• Pelanggan B berbelanja RM4,000 dalam pembelian peruncitan di pusat beli-belah dengan menggunakan ‘Maybank Islamic Visa Platinum Credit Card.	PRODUK / PERKHIDMATAN	MEMENUHI KEPERLUAN
		Simpan & Kembangkan	YA
20 Jun 2024	• Pelanggan B mendeposit RM150,000 ke dalam PMA-i.	Pindahan Dana Masuk	TIDAK
		Perbelanjaan Kad Kredit	YA
		Simpanan Tetap	TIDAK
		Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK
		eDeposit Tetap Baharu	TIDAK
		Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	YA
		Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK
		<ul style="list-style-type: none"> Baki purata harian (BPH) bagi Jun 2024 $= [(10 \text{ hari} \times \text{RM}50,000) + (10 \text{ hari} \times \text{RM}200,000) + (1 \text{ hari} \times \text{RM}150,000)] \div 21 \text{ hari}$ 	

30 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan B mengeluarkan RM10,000 dari PMA-i. • Pelanggan B mengeluarkan RM20,000 dari PMA-i. • Pelanggan B mengeluarkan RM20,000 dari PMA-i. • Pelanggan mendaftar untuk Perkhidmatan Privilege. 	<ul style="list-style-type: none"> = RM126,190.48 • Garis Asas = RM0 • Penambahan BPH = RM126,190.48 - RM0 = RM126,190.48 • Kadar Bonus bagi Jun 2024 = $RM126,190.48 \times 1.15\% \text{ setahun} \times 21 \div 366$ = <u>RM83.27</u> 														
Senario 3 - Simpan & Kembangkan + 1 Produk/Perkhidmatan Kelayakan																
<p>Pelanggan C adalah pelanggan sedia ada. Pelanggan tersebut mempunyai BPH dan baki akhir bulan RM50,000 dalam 'Premier Mudharabah Account-i' (PMA-i) bagi bulan April 2024. Pelanggan C memenuhi kriteria pendaftaran dan keperluan untuk "Simpan & Kembangkan" dan "Pindahan Dana Masuk". Pelanggan C tidak layak untuk Ganjaran Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege.</p>																
1 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan C mendeposit RM100,000 ke dalam PMA-i. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan C mempunyai Simpan & Kembangkan + 1 Produk/Perkhidmatan Kelayakan <table border="1" data-bbox="866 976 1469 1238"> <thead> <tr> <th>PRODUK / PERKHIDMATAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Simpan & Kembangkan</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>Pindahan Dana Masuk</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Kad Kredit</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Simpanan Tetap</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Kad Debit</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>eDeposit Tetap Baharu</td> <td>TIDAK</td> </tr> </tbody> </table>	PRODUK / PERKHIDMATAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Simpan & Kembangkan	YA	Pindahan Dana Masuk	YA	Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK	Simpanan Tetap	TIDAK	Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK	eDeposit Tetap Baharu	TIDAK
PRODUK / PERKHIDMATAN	MEMENUHI KEPERLUAN															
Simpan & Kembangkan	YA															
Pindahan Dana Masuk	YA															
Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK															
Simpanan Tetap	TIDAK															
Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK															
eDeposit Tetap Baharu	TIDAK															
22 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan C menggunakan Pindahan Giro Bank (IBG) sebanyak RM50,000 pindahan masuk ke PMA-i. • Baki semasa dalam PMA-i ialah RM150,000. 	<table border="1" data-bbox="866 1249 1469 1417"> <thead> <tr> <th>GANJARAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Warga Emas Berumur 50 / ></td> <td>TIDAK</td> </tr> </tbody> </table>	GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK	Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK								
GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN															
Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK															
Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK															
25 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan C mengeluarkan RM30,000 dari PMA-i. • Pelanggan C mengeluarkan RM10,000 dari PMA-i. • Pelanggan C mengeluarkan RM10,000 dari PMA-i. 	<ul style="list-style-type: none"> • Baki purata harian (BPH) bagi Jun 2024 = $[(21 \text{ hari} \times RM100,000) + (3 \text{ hari} \times RM150,000) + (3 \text{ hari} \times RM100,000) + (3 \text{ hari} \times RM150,000)] \div 30 \text{ hari}$ = RM110,000 • Garis Asas = RM50,000 • Penambahan BPH = RM110,000 - RM50,000 = RM60,000 • Kadar Bonus bagi Jun 2024 = $RM60,000 \times 0.65\% \text{ setahun} \times 30 \div 366$ = <u>RM31.98</u> 														
28 Jun 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan C mendeposit RM50,000 ke dalam PMA-i. 															

Senario 4 - Simpan & Kembangkan + 2 Produk/Perkhidmatan Kelayakan

Pelanggan D adalah pelanggan sedia ada yang membuka ‘Premier Mudharabah Account-i’ (PMA-i) pada 3 April 2024. Pelanggan D mempunyai BPH dan baki akhir bulan RM10,000 dalam ‘Premier Mudharabah Account-i’ (PMA-i) bagi bulan April 2024. Pelanggan D memenuhi kriteria pendaftaran dan keperluan untuk “Simpan & Kembangkan”, “Simpanan Tetap” dan “Perbelanjaan Kad Debit”. Pelanggan D tidak layak untuk Ganjaran Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege.

1 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan D mendeposit RM50,000 ke dalam PMA-i. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan C mempunyai Simpan & Kembangkan + 2 Produk/Perkhidmatan Kelayakan 														
10 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan D berbelanja RM500 untuk pembelian peruncitan di pusat beli-belah dengan menggunakan ‘Maybank Islamic Visa Debit Card’. Baki semasa dalam PMA-i adalah RM49,500. 	<table border="1"> <thead> <tr> <th>PRODUK / PERKHIDMATAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Simpan & Kembangkan</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>Pindahan Dana Masuk</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Kad Kredit</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Simpanan Tetap</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Kad Debit</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>eDeposit Tetap Baharu</td> <td>TIDAK</td> </tr> </tbody> </table>	PRODUK / PERKHIDMATAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Simpan & Kembangkan	YA	Pindahan Dana Masuk	TIDAK	Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK	Simpanan Tetap	YA	Perbelanjaan Kad Debit	YA	eDeposit Tetap Baharu	TIDAK
PRODUK / PERKHIDMATAN	MEMENUHI KEPERLUAN															
Simpan & Kembangkan	YA															
Pindahan Dana Masuk	TIDAK															
Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK															
Simpanan Tetap	YA															
Perbelanjaan Kad Debit	YA															
eDeposit Tetap Baharu	TIDAK															
20 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan D mendeposit RM100,000 ke dalam PMA-i. 	<table border="1"> <thead> <tr> <th>GANJARAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Warga Emas Berumur 50 / ></td> <td>TIDAK</td> </tr> </tbody> </table>	GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK	Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK								
GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN															
Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK															
Warga Emas Berumur 50 / >	TIDAK															
21 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan D mengeluarkan RM50,000 dari PMA-i. Baki semasa dalam PMA-i adalah RM99,500. 	<ul style="list-style-type: none"> Baki purata harian (BPH) bagi Julai 2024 $= [(9 \text{ hari} \times \text{RM}50,000) + (10 \text{ hari} \times \text{RM}49,500) + (1 \text{ hari} \times \text{RM}149,500) + (11 \text{ hari} \times \text{RM}99,500)] \div 31 \text{ hari}$ $= \text{RM } 70,612.90$ 														
31 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan D masih mengekalkan RM99,500 dalam PMA-i. 	<ul style="list-style-type: none"> Garis Asas = RM10,000 Penambahan BPH = RM70,612.90 - RM10,000 $= \text{RM}60,612.90$ Kadar Bonus bagi Julai 2024 $= \text{RM}60,612.90 \times 0.85\% \text{ setahun} \times 31 \div 366$ $= \underline{\text{RM}43.64}$ 														

Senario 5 - Simpan & Kembangkan + Warga Emas Berumur 50 Tahun Atau Ke Atas

Pelanggan E adalah pelanggan sedia ada dan mempunyai RM50,000 BPH dan baki akhir bulan dalam ‘Premier Mudharabah Account-i’ (PMA-i) bagi bulan Julai 2024. Pelanggan E membuat penempatan eDeposit Tetap RM10,000 melalui Maybank Islamic2u pada 11 Julai 2024. Pada 21 Julai 2024, pelanggan mencapai umur 50 tahun dan layak untuk “Warga Emas Berumur 50 Tahun Atau Ke Atas”.

1 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan E mendeposit RM150,000 ke dalam PMA-i. 	<ul style="list-style-type: none"> Pelanggan ialah Warga Emas Berumur 50 Tahun 														
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>PRODUK / PERKHIDMATAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Simpan & Kembangkan</td> <td>YA</td> </tr> <tr> <td>Pindahan Dana Masuk</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Kad Kredit</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Simpanan Tetap</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Kad Debit</td> <td>TIDAK</td> </tr> <tr> <td>eDeposit Tetap Baharu</td> <td>YA</td> </tr> </tbody> </table>	PRODUK / PERKHIDMATAN	MEMENUHI KEPERLUAN	Simpan & Kembangkan	YA	Pindahan Dana Masuk	TIDAK	Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK	Simpanan Tetap	TIDAK	Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK	eDeposit Tetap Baharu	YA
PRODUK / PERKHIDMATAN	MEMENUHI KEPERLUAN															
Simpan & Kembangkan	YA															
Pindahan Dana Masuk	TIDAK															
Perbelanjaan Kad Kredit	TIDAK															
Simpanan Tetap	TIDAK															
Perbelanjaan Kad Debit	TIDAK															
eDeposit Tetap Baharu	YA															
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>GANJARAN</th> <th>MEMENUHI KEPERLUAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN												
GANJARAN	MEMENUHI KEPERLUAN															

11 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan E membuat penempatan eDeposit Tetap baharu bernilai RM10,000 melalui Maybank Islamic2u. 	Akaun Baharu & Tag Perkhidmatan	TIDAK
		Warga Emas Berumur 50 / >	YA
21 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan E mencapai umur 50 tahun. • Pelanggan E mendeposit RM50,000 ke dalam PMA-i. 	<ul style="list-style-type: none"> • Baki purata harian (BPH) bagi Julai 2024 $= [(20 \text{ hari} \times \text{RM}150,000) + (10 \text{ hari} \times \text{RM}200,000) + (1 \text{ hari} \times \text{RM}150,000)] \div 31 \text{ hari}$ $= \text{RM}166,129.03$ • Garis Asas = RM50,000 • Penambahan BPH = RM166,129.03 - RM50,000 $= \text{RM}116,129.03$ • Kadar Bonus bagi Julai 2024 $= \text{RM}116,129.03 \times 1.15\% \text{ setahun} \times 31 \div 366$ $= \underline{\text{RM}113.11}$ 	
31 Julai 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan E mengeluarkan RM20,000 dari PMA-i. • Pelanggan E mengeluarkan RM20,000 dari PMA-i. • Pelanggan E mengeluarkan RM10,000 dari PMA-i. 		

4.2 Pengendalian untuk Pelanggan Layak yang memiliki beberapa akaun dari produk yang sama:

- Setiap Pelanggan yang Layak hanya layak mendapat satu (1) Kadar Bonus bagi produk yang sama. Kadar Bonus hanya dibayar kepada akaun yang memiliki Penambahan BPH bulanan tertinggi.
- Jika jumlah penambahan BPH bulanan antara dua atau lebih akaun yang di miliki oleh Pelanggan Layak yang sama adalah seri, Kadar Bonus hanya akan diberikan kepada akaun terbaharu dibuka.

4.3 Pelanggan yang Layak dengan ‘*Premier Mudharabah Account-i’ (PMA-i) Islam dan ‘Premier 1 Account’ (PM1) Konvensional :

- Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk kriteria “Simpan & Kembangkan”, kedua-dua akaun tersebut perlu mempunyai Penambahan BPH yang berkenaan.
- Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk produk “Perbelanjaan Kad Kredit”, kedua-dua akaun mestilah mempunyai perbelanjaan kad kredit sebanyak RM 3,000 setiap satu (Jumlah sebanyak RM 6,000).
- Dalam senario jika produk kelayakan “Perbelanjaan Kad Kredit” memenuhi keperluan untuk satu (1) akaun (PM1/PMA-i) sahaja, akaun yang mempunyai Penambahan BPH tertinggi akan layak. Akaun yang mempunyai Penambahan BPH yang lebih rendah tidak akan layak untuk “Perbelanjaan Kad Kredit”.
- Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk perkhidmatan “Pindahan Dana Masuk”, kedua-dua akaun mestilah mempunyai Pindahan Dana Masuk kumulatif sebanyak RM 10,000 dan ke atas setiap satu untuk bulan tersebut, sebagai contoh, Pindahan Telegraf (TT) Masuk, GIRO Antara Bank (IBG), Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS) dan Pemindahan Segera Dana Antara Bank (IBFT).
- Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk “Simpanan Tetap”, kedua-dua akaun mestilah memenuhi baki akhir bulan minima sebanyak RM 50,000 dan maksima 2 Pengeluaran setiap bulan untuk akaun yang berkenaan sahaja.
- Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk perkhidmatan “Pembukaan Akaun Baharu Dengan Pendaftaran Perkhidmatan Privilege”, kedua-dua akaun mestilah akaun baharu dan ditag dengan tag perkhidmatan ‘Privilege’.

- g) Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk “Perbelanjaan Kad Debit”, kedua-dua akaun mestilah memenuhi perbelanjaan kad debit kumulatif minima sebanyak RM500 untuk akaun yang berkenaan.
- h) Bagi melayakkan kedua-dua akaun untuk “Penempatan eDeposit Tetap”, kedua-dua akaun mestilah memenuhi produk berkenaan yang layak (eDeposit Tetap/ ‘eiFD-i’ / ‘eGIA-i’) dan penempatan minima RM1,000 setiap satu (Jumlah RM2,000).

4.4 Selepas Tempoh Kempen, tiada Kadar Bonus akan diberikan kepada Akaun dan Kadar Asas akan dipakai.

4.5 Pelanggan yang Layak mungkin layak untuk Kadar Bonus dalam satu bulan kalendar, tetapi mungkin tidak akan layak untuk Kadar Bonus dalam bulan yang berikutnya akibat tidak memenuhi mana-mana kriteria kelayakan.

5 Terma dan Syarat Am

- 5.1 Maybank Islamic tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemrosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank Islamic.
- 5.2 Maybank Islamic berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari (“hari” hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank Islamic. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
- 5.3 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank Islamic jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- 5.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberikan kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank Islamic menurut penyata privasi Maybank Islamic yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my (“*Maybank Privacy Statement*”) dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank Islamic untuk:

- a) tujuan Kempen; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank Islamic, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerja sama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank Islamic yang berkaitan dengan Kempen.

*Nota: “PDPA” merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- 5.5 Maybank Islamic dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank Islamic untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau yang berhubung dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh apa-apa kecuaiian atau peninggalan melampau oleh Maybank Islamic.
- 5.6 Maybank Islamic tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank Islamic.
- 5.7 Maybank Islamic boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen.
- 5.8 Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank Islamic di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank Islamic melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.